

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang punca-punca berlakunya gejala samseng jalanan dan usaha untuk mengatasinya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak lebih 120 patah perkataan.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Isu samseng jalanan kembali menjadi perhatian meskipun hangat diperdebatkan saban tahun. Golongan samseng jalanan yang merajai jalan raya dengan aksi yang berbahaya terus menghantui orang ramai. Timbul kebimbangan adakah negara sudah *berdepan dengan jalan mati* dalam menangani gejala samseng jalanan ini atau adakah gejala ini menjadi satu wabak penyakit yang sukar dihapuskan sebagaimana sukarnya menangani gejala penagihan dadah?

Andaian ini tidak boleh dipandang remeh kerana gejala samseng jalanan tidak pernah menunjukkan tanda-tanda akan berakhir walaupun pelbagai usaha telah dilakukan. Sebaliknya, gejala ini semakin berleluasa sehingga terjebak dengan jenayah yang lebih besar seperti kes ragut, rogol, samun berkumpulan, dan pembunuhan. Dengan itu, satu pendekatan yang kolektif dan berkesan perlu dilaksanakan dengan segera untuk menanganinya.

Akta Pengangkutan Jalan perlu dipinda bagi memberikan kuasa kepada Jabatan Pengangkutan Jalan menahan individu yang terlibat sebagai samseng jalanan. Pindaan itu wajar dilakukan bagi membolehkan hukuman yang lebih tegas dikenakan. Sementelahan pula, golongan ini berani mencabar pihak berkuasa termasuk cubaan merempuh sekatan jalan raya. Pada masa yang sama, pihak berkuasa perlu melipatgandakan usaha dengan menambah kekuatan anggota di samping mengadakan operasi besar-besaran seperti sekatan jalan raya secara konsisten.

Golongan samseng jalanan ini sering dikatakan mengalami masalah jiwa dan mental yang tidak sihat sepenuhnya. Amalan agama yang lemah dalam keluarga juga penyumbang kepada gejala ini selain pengaruh filem-filem dari dalam dan luar negara yang berunsur ganas. Mereka tidak bahagia dengan kehidupan dalam keluarga, tidak berduit, dan pernah dibuli. Dengan itu, aktiviti menunggang motosikal secara berbahaya dijadikan jalan keluar untuk melarikan diri daripada kekecewaan dan kebosanan hidup. Selain itu, gejala samseng jalanan juga banyak didorong oleh sikap ibu bapa yang terlalu memberikan kebebasan serta bersikap lepas tangan dalam soal mengawal dan mendidik anak-anak. Mereka membenarkan anak-anak memiliki dan menaik motosikal tanpa mempunyai lesen. Oleh yang demikian, ibu bapa mat rempit wajar dikenakan denda di bawah peruntukan undang-undang tertentu. Cadangan supaya had umur untuk mendapatkan lesen motosikal dilanjutkan daripada 16 tahun kepada 21 tahun merupakan cadangan yang baik.

Memandangkan majoriti samseng jalanan terdiri daripada remaja belasan tahun, pelaksanaannya dilihat mampu mengekang gejala samseng jalanan dari suatu sudut yang berbeza.

(Dipetik dan diubah suai daripada "Banteras Mat Rempit" oleh Norila Daud, *Utusan Malaysia*, Mei 2012)

Soalan 2 : Pemahaman Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *berdepan dengan jalan mati*. [2 markah]

- (ii) Mengapakah golongan remaja terlibat dalam gejala samseng jalanan? [3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah langkah melanjutkan had umur mendapatkan lesen motosikal daripada 16 kepada 21 tahun dilihat mampu mengekang gejala samseng jalanan? **KBAT Minda** [4 markah]

Jawab soalan – soalan di bawah ini berdasarkan novel – novel yang berikut:

- i. Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Katip Talib.
- ii. Tirani karya Beb Sabariah

a) Huraikan dua latar masyarakat dalam sebuah novel yang anda kaji. (7 markah)

b) Peristiwa – peristiwa yang terdapat dalam novel mempunyai pelbagai teladan yang boleh dicontohi oleh pembaca.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, huraikan dua peristiwa yang dapat memberikan teladan kepada pembaca.

(8 Markah)